

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN WONG LING BIU [SARIKEI]
TARIKH : 25.5.2016
SOALAN :

Tuan Wong Ling Bui [Sarikei] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sudahkah Kerajaan Sarawak secara rasminya meminta hak autonomi dalam bidang pendidikan bagi negeri Sarawak. Adakah ia semestinya memerlukan Kerajaan bagi meminda Akta Pendidikan 1996 untuk tujuan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sepertimana Ahli-Ahli Yang Berhormat sedia maklum, negara kita melaksanakan sistem pendidikan berpusat. Semua institusi pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) adalah tertakluk kepada Akta Pendidikan 1996 [Akta 550] iaitu di bawah bidang kuasa Menteri Pendidikan. Akta 550 merupakan dokumen perundangan yang menjadi rujukan berhubung apa-apa perkara yang berkait dengan pendidikan di semua institusi pendidikan dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan. Akta 550 ini juga telah mengkanunkan segala hasrat dan aspirasi negara yang ingin dicapai melalui pelaksanaan Dasar Pendidikan Kebangsaan yang berpaksikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Justeru, Kerajaan tidak bercadang untuk meminda Akta Pendidikan 1996 [Akta 550] bagi apa jua tujuan sehingga kini.